

# PERTEMBUNGAN JAGOAN BOMBA



Ada satu anak Limbungan,  
Pergi ke pasar membeli kacang,  
Memang jalak ayam sabungan,  
Biasa mati tengah gelanggang

Saya ke darat ke rumah Zaharah,  
Mari mengambil buah keranji,  
Biar ku mati bertumpah darah,  
Namun menyerah tidak sekali

Tak guna ayam di kampung,  
Ayam hitam memakai taji,  
Tidaklah guna berikat bengkung,  
Kalau tak boleh menahan negeri

Kurik Rundi Merah Saga...  
Kurik Kundu Merah Saga.....

# Pemenang Pertandingan Kawad Kaki



# Sarawak

Wakaf Tapai, 24 Jul 2007 - Pasukan Negeri Sarawak menyerlah di hari pertama dengan mempamerkan kecemerlangan di dalam acara Kawad Kaki apabila berjaya menumpaskan pasukan Negeri Sabah dengan perbezaan 1 mata. Naib Johan telah di sandang oleh Negeri Sabah manakala tempat ketiga dimenangi oleh Negeri Kelantan.

Negeri Sarawak ternyata begitu unggul dan bekerja keras untuk menundukkan 14 pasukan yang lain selepas menunjukkan persembahan dari keseragaman berjalan dalam masa perlahan dan cepat. Turut membanggakan lagi, Ketua Platon Terbaik Acara Kawad Kaki Tahun 2007 juga berjaya disandang oleh Ketua Platon Pasukan Negeri Sarawak iaitu PKPgB Muhamed Hafidz Bin Yaacob.

Keputusan rasmi pertandingan telah diumumkan oleh Pengurus Pengadil, PgKB Nazili bin Mahmood manakala hadiah-hadiah bagi pemenang telah disampaikan oleh PPjB Khrudin Din Drahman, Penolong Pengarah Bahagian Latihan dan PTM.


## Rahsia kemenangan Sarawak

Menurut Ketua Kontinen Negeri Sarawak, PKPgB Melvin Amuk, kemenangan yang dikehendaki adalah hasil usaha gigih dan komitmen yang tinggi semua anggota pasukan. Walaupun sebahagian besar ahli pasukan kawad pada tahun ini terdiri dari anggota yang baru, namun mereka berjaya membuktikan keupayaan sebenar dan menyerlahkan prestasi yang cemerlang. Pasukan ini telah mengadakan latihan intensif berpusat sepenuhnya di PLBPW Sarawak selama 3 minggu. Program latihan lasak yang disusun rapi telah membolehkan anggota baru menyesuaikan diri dan mampu memberikan komitmen dan prestasi yang mantap sepanjang latihan. Perancangan dan pelaksanaan latihan ini akhirnya telah berjaya menobatkan pasukan Negeri Sarawak sebagai Juara Kawad Kaki 2007.



Bergambar kenangan...

## Juara Kawad Kaki 2007



## Sidang Redaksi

Penaung  
PPJB Nordin Bin Pauzi

Penasihat  
PgKB Norazam Bin Khamis

Ketua Editor  
PgB Jupirik Bin Apou

Editor  
PPgB Mohd Sabri Bin Ismail  
PBII Thoyyibah Binti Taib  
PB Mohd Azam bin Mohd Noor

Reka Bentuk Grafik  
PB III Thoyyibah Taib  
PB Mohd Azam Bin Mohd Noor

Fotografi  
PB Raja Arisan Sahseni  
PB Rassyidee Bin Che Bebakar,  
PB Hairul Nizam Bin Mohd Noh  
PB Norashid bin Mamat  
PB Zulkarnaim bin Abd. Karim

Pembantu Sidang Redaksi :  
Pelatih Siri 1&2/2007

## Coretan Ketua Editor



Salam Sejahtera,  
Pertama sekali, pihak Redaksi mengucapkan tahniah atas komitmen dan prestasi disiplin yang baik di kalangan anggota kontinjen. Suasana pertandingan mulai terasa bahangnya pada hari pertama kerana penyertaan kontinjen dalam acara pertama akan menyuntik semangat untuk terus unggul dalam acara selanjutnya dalam PKK 2007.

Acara kawad kaki ini akan menguji kemampuan sebenar seseorang 'Parade Commander' selaku pemimpin yang mengawal dan memberikan arahan yang jelas dan tepat kepada anggota pasukannya. Amaran dan perintah perlu diberikan pada saat dan jejak langkah yang betul dan tepat. Ibarat mengetuai sebuah pasukan dalam satu insiden kecemasan, seseorang ketua atau pemimpin perlu berfikir dengan pantas dan kritis apabila membuat keputusan. Jika tidak, ianya mengundang 'padah' seperti kehilangan markah penting kerana melakukan kesilapan dalam pembuatan keputusan dalam pelaksanaan kerja secara berpasukan.

Acara kawad kaki juga dilihat sebagai ukuran secara umum sejauh mana koordinasi, persefahaman dan kepimpinan seseorang ketua terhadap pasukannya. Dalam situasi ini, unsur yang penting adalah kepercayaan (*trust*) dan keyakinan (*confidence*) pasukan.

Adakah anggota mempunyai kepercayaan penuh dan keyakinan yang teguh untuk bertindak sebagai satu pasukan atau sebaliknya? Adakah pemimpin pasukan telah berjaya memupuk kepercayaan dan keyakinan yang tinggi di kalangan anggota-anggotanya?

Sejauh manakah sesuatu arahan daripada seorang itu diterima, difahami dan dilaksanakan secara ikhlas dan penuh komitmen oleh anggota untuk mencapai objektif kumpulan, pasukan dan organisasi yang kita sayangi – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Intipati pasukan ini dapat dizahirkan dan boleh dilihat melalui persefahaman, keseragaman dalam bentuk pergerakan dan koordinasi kumpulan semasa acara pertandingan kawad kaki.

Selamat berkawad dan terus berjuang untuk memantapkan kualiti perkhidmatan jabatan...

## Kawad Kaki

## Pembuka Tirai PKK 2007

**Wakaf Tapai**, 24 Julai 2007 – Sebahagian besar anggota bomba mempunyai kemahiran berkawad kaki dan telah didedahkan dengan pengetahuan berkaitan kawad kaki. Setiap individu juga mampu memberikan penilaian sendiri berdasarkan kepada pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang dimiliki. Di dalam pertandingan, tentunya terdapat beberapa faktor yang diambil kira dalam kaedah pemarkahan. Dalam hal ini, ketelitian pengadil, ketajaman, kepekaan dan kewajaran pengadil sangat penting dan perlu diberikan tumpuan penuh. Format pemarkahan yang digunakan telah dikemaskini dan dipersetujui bersama berdasarkan konsep dan peraturan yang sama pada tahun sebelumnya.

Lazimnya, sebelum memulakan pertandingan, pengadil akan melakukan pemeriksaan ke atas pakaian anggota. Setiap pasukan hendaklah mematuhi standard pemakaian dan kelengkapan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa pertandingan. Persembahan daripada 15 pasukan pada kali ini semakin baik dan telah memperlihatkan persembahan yang mantap dan memuaskan.



PPJB Zamri



Dalam acara ini, PPJB Zamri Bin Ibrahim telah dipertanggungjawabkan sebagai Wasit Pertandingan manakala PgB Ruhisha Bin Haris telah dilantik sebagai Ketua Pengadil. Sebelum keputusan diumumkan beberapa komen dan ulasan telah disampaikan oleh Wasit Pertandingan untuk tujuan penambahbaikan. Ini termasuklah aspek mutu persembahan dan prestasi pertandingan secara keseluruhannya. Berdasarkan pemerhatian Wasit, semua pasukan pada tahun ini telah menunjukkan prestasi persembahan yang membanggakan. Walaubagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang perlu diambil perhatian terutamanya dari segi persembahan Ketua Platun. Ini termasuklah intonasi suara semasa memberi hukuman dan 'harakat' ataupun *timing* yang baik masih perlu diperbaiki dan dipertingkatkan lagi.

## Keputusan Rasmi Pertandingan Kawad Kaki 2007

KEPUTUSAN RASMI PKK 2007 ACARA KAWAD KAKI		
NEGERI	KEPUTUSAN	
	PERLIS	10
	KEDAH	14
	P. PINANG	12
	PERAK	15
	WPKL	11
	SELANGOR	7
	N. SEMBILAN	6
	MELAKA	9
	JOHOR	4
	PAHANG	8
	TERENGGANU	5
	KELANTAN	3
	SABAH	2
	SARAWAK	1
	LABUAN	13

KEPUTUSAN RASMI PKK 2007 ACARA KAWAD KAKI ( KETUA PLATUN )		
NEGERI	KEPUTUSAN	
	PERLIS	10
	KEDAH	14
	P. PINANG	2
	PERAK	11
	WPKL	15
	SELANGOR	8
	N. SEMBILAN	6
	MELAKA	9
	JOHOR	3
	PAHANG	13
	TERENGGANU	12
	KELANTAN	7
	SABAH	4
	SARAWAK	1
	LABUAN	5

## \* Makluman \*

### Forum Perdana Ehwal Islam Sempena PKK 2007

Tarikh : 26 Julai 2007 (Khamis)

Masa : 9.00 malam

Tempat : Dewan Auditorium, ABPMWT

Pakaian : Baju Kebangsaan

### WAKTU SOLAT DAERAH MARANG, TERENGGANU

25 Julai 2007 (Selasa)

"Dan dirikanlah olehmu solat, kerana sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar"

(Al Ankabut : 45)

Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Magrib	Isyak'
5:39	7:02	13:15	16:39	19:26	20:41

**FORUM PERDANA EHWAH ISLAM Sempena  
PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN OPERASI KEBOMBAAN  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2007**

*Tajuk Forum :*

**Kerjaya Mencabar,  
Kerahmatan Dipohoni**

*Abdi Panel :*

YBhg. Ust Mohd Fauzi bin Mustapha  
Pengurus Bhg. Syariah,  
(Moderator Program Al-Kulyah TV3), Syarikat Takaful Malaysia

YBhg. Ust Rahimi bin Saad  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

YBhg. Prof. Madya Azam bin Hamzah  
Koordinator Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Shah Alam

*Pengerusi Panel :*

YBhg. Ust Wan Jamlan bin Wan Deraman  
Pen. Pengurus Bhg. Syariah, Syarikat Takaful Malaysia

*Persiman Olah :*

YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim  
Tim. Ketua Pengarah (Pengurusan)  
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

*Tarikh :*  
26 Julai 2007 (Khamis)  
Bersamaan 11 Rejab 1428H  
9.00 malam

*Tempat :*  
Dewan Auditorium  
Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu Darul Iman

*Organisasi Boleh :*  
Sekretariat Islam Hadhari  
(Projek Khas YAB Perdana Menteri) &  
Akademi Bomba Dan Penyelamat  
Malaysia, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu



# KLIK 1

**BULETIN**  
PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN  
OPERASI KEBOMBAAN JBPM 2007

AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

BIL. 2 (25 Julai 2007)

# Terlancarnya PKK 2007



Wakaf Tapai, 24 Jul 2007 - Semua peserta telah berkumpul di padang kawad Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai untuk menyertai Majlis Pelancaran bagi Pertandingan Kawad Kecekapan 2007 (PKK 2007). Majlis ini telah disempurnakan oleh YS PKP Latihan dan PTM, PPjB Khirudin Bin Drahman. Ucapan beliau menyatakan, masyarakat sentiasa menilai dan memerhatikan sejauh mana ketangkasan kita bertindak semasa berlakunya insiden atau kejadian kecemasan. Masyarakat juga menginginkan penyampaian perkhidmatan yang pantas, cekap dan berkesan. Beliau juga menegaskan bahawa anggota bomba seharusnya menilai kembali keupayaan yang harus ditonjolkan di samping komited dalam memajukan diri serta meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dari semasa ke semasa.

Turut hadir menyaksikan majlis pelancaran pertandingan ialah YS Komandan Akademi dan Pegawai-Pegawai Kanan JBPM serta para petugas pertandingan.

Majlis diserikan lagi dengan sesi bergambar bersama YS PPjB Khirudin Bin Drahman di antara semua kontinen dan Pegawai-Pegawai Kanan JBPM selepas selesai majlis pelancaran tersebut.